

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**[ KLANG ]**  
**TARIKH : 18 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian telah membuat kajian "*health impact assessment*" khususnya kepada orang miskin memandangkan Kementerian akan tandatangani perjanjian TPP.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagaimana semua Ahli Berhormat sedia maklum, rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) adalah diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarbangsa dan Industri (MITI), dan antara isu utama yang menjadi perhatian ramai adalah berkaitan perlanjutan tempoh perlindungan hak harta intelek (IPR) bagi farmaseutikal yang dikhuatiri akan mengakibatkan peningkatan harga ubat sekiranya Kerajaan menandatangani perjanjian tersebut. Pada masa ini, rundingan masih lagi sedang berjalan dan Kerajaan akan memastikan kebajikan rakyat sentiasa diutamakan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara umumnya tidak menjalankan "*health impact assessment*" ke atas orang miskin susulan kepada keputusan Kerajaan untuk menyertai rundingan TPPA. Walau bagaimanapun, MITI selaku peneraju rundingan TPPA telah melantik beberapa perunding untuk menjalankan kajian impak bagi menilai kebaikan dan keburukan yang bakal diperolehi negara secara keseluruhan sekiranya Kerajaan memutuskan untuk menandatangani perjanjian tersebut.